

14/12/1999

Peluang terbaik MCA menuntut Timbalan Ketua Menteri

Ridzuan Yop

MUNGKINKAH Pulau Pinang bakal mempunyai dua Timbalan Ketua Menteri (TKM), satu daripada Umno dan satu lagi daripada MCA berikutan kemelut politik yang berlaku dalam pelantikan jawatan itu sejak akhir-akhir ini!

Kemenangan 100 peratus MCA pada pilihan raya 1995 dan November lalu, bagi semua sembilan kerusi yang ditandinginya menjadikan mereka berasa berhak untuk menuntut kerusi berkenaan.

Selain kerusi TKM kedua, MCA turut menuntut tambahan kerusi Exco dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. MCA sebelum ini diperuntukkan dua kerusi Exco, Umno dan Gerakan masing-masing mempunyai tiga kerusi dan satu lagi diwakili MIC.

Keputusan mengenai pelantikan itu dijangka hanya dapat diselesaikan selewat-lewatnya minggu depan sebaik saja Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jawatan TKM diwujudkan pada 1990 dan diserahkan kepada Umno apabila calon Umno menang di semua 12 kawasan yang ditandinginya, berikutan Gerakan hanya menang tujuh dan MCA kalah di semua sembilan kawasan.

Walaupun Umno menang lebih banyak kerusi daripada Gerakan dan MCA tetapi atas semangat Barisan Nasional (BN) dan berdasarkan kepada komposisi kaum Cina sebagai penduduk majoriti Pulau Pinang, jawatan Ketua Menteri tetap diberi kepada Gerakan.

Berdasarkan sejarah pentadbiran Pulau Pinang, Ketua Menteri Pulau Pinang pernah disandang tokoh dari MCA, iaitu Tan Sri Wong Pau Nee (1957-1969) dan kemudian diserahkan kepada pemimpin Gerakan, Tun Dr Lim Chong Eu dan kini, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

MCA kehilangan jawatan sebagai Ketua Menteri sudah begitu lama. Sudah tentu ramai ahli dan penyokong MCA mahukan kedudukan itu dikembalikan atau sekurang-kurangnya pemimpin parti itu menjadi orang nombor dua dalam kerajaan negeri.

Tindakan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gerakan, Lim Boo Chang kawasan Datuk Keramat dan Lim Chien Aun (Bayan Lepas) keluar parti selepas tiga hari menang dalam pilihan raya lalu menjadi kesempatan paling baik bagi MCA mengemukakan tuntutan mereka.

Tindakan dua Lim itu keluar parti dan mengisytiharkan sebagai calon Bebas menyebabkan Gerakan kini hanya tinggal lapan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 11 kerusi yang ditandinginya, termasuk kalah di kawasan Batu Lanchang kepada calon DAP.

Kedudukan itu kini menjadikan MCA mempunyai kerusi lebih daripada Gerakan iaitu sembilan kerusi, Umno (10) dan MIC (satu).

Sudah 30 tahun jawatan Ketua Menteri terlepas dan disandang oleh Gerakan (1969-1999) dan sudah sampai masanya MCA mendapatkan semula kuasa itu atau sekurang-kurangnya jawatan TKM sebelum menjadi Ketua Menteri.

Ketika ini adalah kesempatan terbaik MCA mengemukakan tuntutan berikutan masalah dalaman yang dihadapi Gerakan Pulau Pinang pimpinan Koh.

Koh ternyata kecewa apabila pemimpin MCA negeri tidak pernah menghubunginya bagi membincangkan perkara itu. Cuma ia diperjelas dan diperbincangkan secara meluas dalam akhbar saja.

Apa yang diketahuinya setakat ini, mengenai pelantikan TKM kedua, MCA sudah merujuknya kepada pemimpin tertinggi BN Pusat tanpa melalui beliau sebagai Pengerusi BN negeri.

"Adalah tidak wajar bagi saya untuk membuat ulasan lanjut atau membuat sebarang komitmen kerana perkara itu sudah dibawa ke pengetahuan BN

Pusat," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyerahkan keputusan mengenai pelantikan TKM kedua dari MCA kepada pucuk pimpinan tertinggi BN Pusat.

"Perkara itu tidak lagi berada dalam tangan saya dan saya tidak diberi peluang untuk berbincang dalam komponen parti BN negeri tetapi sudah dirujuk ke peringkat tertinggi," katanya.

Pengerusi MCA negeri, Datuk Dr Sak Cheng Lum menjelaskan bahawa wujudnya desakan yang kuat mengenai tuntutan itu di peringkat akar umbi serta di kalangan ahli MCA.

"Tanggungjawab kita adalah untuk berbincang dan jika peringkat negeri tidak cukup kita bawa perasaan ahli dan penyokong MCA kepada pengetahuan pucuk pimpinan tertinggi parti," katanya.

Sehubungan itu, beliau menolak kononnya berlaku krisis dalam komponen BN khususnya membabitkan MCA dan Gerakan berikutan isu jawatan TKM itu.

"Tidak ada krisis di Pulau Pinang cuma kita dengar perasaan ahli dan penyokong MCA, kami sebagai pemimpin terima pandangan dan luahan perasaan dari ahli parti," katanya.

"Mereka (ahli MCA) turut meluahkan perasaan kecewa dan tidak puas hati berikutan beberapa perkara yang berlaku selepas pilihan raya lalu dan kami perlu mendengarnya," katanya.

Apapun semua komponen BN di negeri ini perlu mengatasinya secara bijaksana tanpa menjejaskan perpaduan yang dijalin sejak sekian lama atas semangat BN.

Jika tidak peluang ini sudah tentu digunakan oleh parti pembangkang khususnya DAP untuk menanggung di air keruh, ketika inipun mereka mengecam dan mengkritik amalan kerjasama BN dalam kempen politik mereka.

Dr Mahathir sebagai Pengerusi BN yang akan bertemu dengan Koh berhubung perkara itu sudah pastinya mempunyai ramuan tersendiri mengatasinya berdasarkan pengalaman lalu.

Yang penting semua pihak akan menerima apa jua keputusan yang bakal dibuat oleh Perdana Menteri dan kembali bersatu bekerjasama memperkuat barisan bagi menghadapi cabaran lebih besar menjelang alaf baru.

(END)